

 <p><b>MDBG</b></p>	<b>BAHAGIAN PELESENAN JABATAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN MAJLIS DAERAH BATU GAJAH, JALAN HAJI ABDUL WAHAB, 31000 BATU GAJAH.</b>	
	<b>SYARAT-SYARAT PUSAT SIBER</b>	
	<b>Syarat-Syarat / MDBG / JPPk-18 Pind.02</b>	No. Telefon
	No. Fax	05-3665930
	E-mail	pelesenan@mdbg.gov.my

1. Masa operasi bagi pusat siber dan 'cyber cafe' adalah mulai jam 10.00 pagi dan dihadkan sehingga tengah malam sahaja.
2. Pusat siber dan 'cyber cafe' hanya dibuka kepada pengunjung berumur 12 tahun ke atas. Walau bagaimanapun, mereka yang berumur bawah 12 tahun hanya dibenarkan masuk sekiranya ditemani oleh ibu bapa atau penjaga.
3. Bagi pengunjung bawah umur 12 tahun, mereka hanya dibenarkan berada di pusat siber dan 'cyber cafe' sehingga jam 10.00 malam sahaja.
4. Pelajar yang memakai seragam sekolah atau sebahagiannya adalah dilarang memasuki pusat siber dan 'cyber cafe'.
5. Pusat siber dan 'cyber cafe' hanya dibenarkan beroperasi di tingkat bawah bangunan. Premis hendaklah terbuka dengan sistem pencahayaan yang terang. Penggunaan cermin gelap adalah dilarang. Walau bagaimanapun, penggunaan blind adalah dibenarkan.
6. Kedudukan komputer bagi tujuan melayari internet hendaklah berasingan daripada aktiviti sampingan lain. Komputer hendaklah ditempatkan dalam ruang terbuka iaitu tidak berbilik dan tidak berpintu.
7. Penjualan minuman keras dan rokok adalah dilarang sama sekali di pusat siber dan 'cyber cafe'.
8. Pelanggan juga dilarang membawa masuk sebarang minuman keras dan rokok dari luar.
9. Pengusaha diwajibkan menyediakan buku rekod kemasukan pelanggan untuk disemak oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan agensi lain.
10. Pengusaha pusat siber dan 'cyber cafe' hendaklah mengambil berat aspek kebersihan dengan menyediakan kemudahan tong sampah dan tandas awam yang mencukupi.
11. Premis hendaklah mematuhi syarat-syarat penggunaan dan kelulusan bangunan yang ditetapkan. Sebarang pengubahsuaian bangunan hendaklah mendapat kelulusan daripada Pihak Berkuasa Tempatan terlebih dahulu.
12. Pekerja rakyat asing adalah tidak dibenarkan bekerja di pusat siber dan 'cyber cafe'.

13. Pengusaha pusat siber dan 'cyber cafe' hendaklah mempunyai pekerja yang mencukupi setiap masa bagi mengawasi setiap aktiviti di pusat siber dan 'cyber cafe' tersebut.
14. Aktiviti utama ataupun 'core business' pusat siber dan 'cyber cafe' adalah dihadkan kepada aktiviti penyebaran dan mendapatkan maklumat melalui internet sahaja. Kegiatan-kegiatan lain adalah tidak dibenarkan sama sekali khususnya berbentuk hiburan seperti berikut:
  - a. Permainan video / permainan internet yang dimuat turun (*download internet games*)
  - b. Perjudian
  - c. Gambar-gambar lucah
  - d. Muzik (*'pipe music'*)
  - e. Penjualan bahan-bahan bercetak khususnya yang mengandungi unsur-unsur negatif
  - f. Lain-lain aktiviti yang berbentuk hiburan
15. Pengusaha pusat siber dan 'cyber cafe' juga hendaklah bertanggungjawab untuk memastikan tiada sebarang aktiviti kurang sihat berlaku di pusat siber 'cyber cafe'. Tindakan segera hendaklah diambil sekiranya berlaku aktiviti kurang sihat tersebut yang melibatkan pelanggan mereka.
16. Keseluruhan premis mesti berhawa dingin dan lantai diturap mozek atau 'carpet'.
17. Memaparkan tanda '**DILARANG MEROKOK**' dengan bilangan yang mencukupi.
18. Menyediakan peti pertolongan cemas dengan bekalan ubat yang mencukupi.
19. Menyapu kapur / mengecat semua dinding-dinding di sebelah luar dan dalam premis tersebut dan memperbaiki mana-mana bahagian premis yang rosak.
20. Kakilima, lorong belakang dan kawasan dalam premis hendaklah sentiasa dilapangkan dan pihak tuan adalah bertanggungjawab jika pelanggan-pelanggan tuan menghalang dengan kenderaan mereka.
21. Semua barang-barang di kawasan bangunan itu hendaklah disusun demikian rupa supaya air tidak bertakung di dalamnya.
22. Menyediakan 2 buah alat pemadam api jenis yang sesuai dan kemukakan salinan Sijil Pengesahan dari pihak Perkhidmatan Bomba & Penyelamat Negeri Perak Darul Ridzuan.
23. Pembaharuan lesen premis perlu dirujuk kepada Jabatan Penguatkuasa Majlis Daerah Batu Gajah untuk sokongan sebelum diperbaharui.
24. Tindakan menutup premis perniagaan pusat siber dan 'cyber cafe' akan dijalankan jika pengusaha pusat siber dan 'cyber cafe' didapati melanggar syarat-syarat yang dikeluarkan.

**ARAHAN :-**

**YANG DIPERTUA  
MAJLIS DAERAH BATU GAJAH**